

## **Pembiakan dan Pertumbuhan : Nutrisi Ibu Mengandung**

### **RANCANGAN MENGAJAR HARIAN**

Mata Pelajaran	: Sains
Tingkatan	: Tiga
Masa	: 80 Minit
Tajuk	: Nutrisi Ibu Mengandung
Objektif (Hasil Pembelajaran)	: Pada akhir pengajaran, pelajar boleh: <ol style="list-style-type: none"><li>i. menyenaraikan jenis-jenis makanan yang diperlukan semasa ibu mengandung dan fungsinya secara bertulis di atas kertas yang disediakan.</li><li>ii. menyatakan jenis-jenis makanan yang perlu dielakkan dan kesannya ke atas ibu dan fetus dalam kandungan secara bertulis di atas kertas yang disediakan.</li><li>iii. menyenaraikan keperluan bayi selepas lahir dan jenis-jenis pengimunan yang diperlukan oleh bayi secara bertulis di atas kertas yang disediakan tanpa membuat sebarang rujukan.</li></ol>
Pendekatan Pengajaran	: <ol style="list-style-type: none"><li>i. Pembelajaran masteri</li><li>ii. Pembelajaran akses sendiri</li></ol>
Strategi Pengajaran	: <ol style="list-style-type: none"><li>i. Koperatif-kerja kumpulan</li><li>ii. Sumbang saran</li><li>iii. Latihan pengukuhan</li></ol>

- Penerapan Nilai : i. Mengamalkan pemakanan yang baik  
ii. Sentiasa menjaga kebersihan dan kesihatan diri  
iii. Berdisiplin dan bekerjasama
- Kemahiran Generik :  
KBKK : i. Menjana idea  
ii. Mengumpul maklumat  
iii. Mentafsir maklumat  
iv. Membuat rumusan  
v. Membuat laporan  
vi. Meramal  
vii. Membina peta konsep/carta aliran
- Media Pengajaran : i. Buku teks SPBT  
ii. Majalah  
iii. Carta bergambar  
iv. Transparensi
- Pengalaman Lepas : Pelajar telah mempelajari jenis-jenis zat makanan dan fungsinya terhadap badan manusia semasa tingkatan dua dan boleh dikaitkan dengan pembelajaran tajuk ini.

<b>Langkah/Masa</b>	<b>Isi Kandungan</b>	<b>Aktiviti Guru</b>	<b>Aktiviti Pelajar</b>	<b>Media Pengajaran</b>	<b>Kemahiran Generik</b>
Langkah (5 minit)  (Mengimbu pegetahuan sedia ada)	Kelas-kelas makanan	Guru bertanyakan kepada pelajar tentang jenis-jenis kelas makanan dan fungsi setiap kelas makanan tersebut.	Pelajar menjawab soalan dengan panduan guru		<i>KBKK:</i> Menjana idea  <i>Kecerdasan Pelbagai:</i> Interpersonal
Langkah 2 (35 minit)  (Menyampaikan objektif)  (Memberi bimbingan)	Nutrisi ibu mengandung  Makanan yang perlu dielakkan semasa mengandung  Keperluan selepas lahir	1. Guru mengarahkan pelajar membuat perbincangan kumpulan dengan mencari maklumat melalui buku rujukan, majalah, bahan internet (jika ada) tentang: i. Nutrisi yang baik untuk ibu mengandung ii. Makanan yang perlu dielakkan semasa mengandung iii. Keperluan selepas lahir	Pelajar mencari maklumat dan membuat laporan perbincangan dengan menggunakan sebarang jenis pengurusan grafik  (Lampiran P 1)	Buku teks Majalah internet (jika ada)	<i>KBKK:</i> Mengumpul maklumat Mentafsir maklumat Membuat rumusan Membuat laporan Membuat peta minda/carta aliran  <i>Kecerdasan Pelbagai:</i> Logikal

		2. Guru meminta pelajar membuat peta minda atau carta aliran. (Lampiran G 1)			Interpersonal Intrapersonal
Langkah 3 (25 minit)  (Menampilkan pencapaian)  (Memberi bimbingan)	Pembentangan kerja kumpulan	1. Guru menjemput mana-mana kumpulan yang telah siap membuat pembentangan.  2. Guru membimbing perbincangan pelajar dan membuat rumusan bersama	1. Pelajar membuat pembentangan kerja kumpulan secara bergilir-gilir  2. Pelajar membuat rumusan terbaik dari hasil perbincangan bersama guru.	Trasparensi  Kertas mahjong  Komputer LCD	<i>KBKK:</i> Membuat persembahan Membuat rumusan Membuat ramalan(kajian masa depan)  <i>Kecerdasan Pelbagai:</i> Logikal Interpersonal Intrapersonal

<p>Langkah 4 (15 minit)</p> <p>(Menilai pencapaian)</p> <p>(Pengukuhan dan penilaian)</p>	<p>Penilaian(Latihan Pengukuhan)</p>	<p>1. Guru memberi penialain kepada setiap kumpulan dan guru meminta setiap pelajar membuat nota muktamad.</p> <p>2. Guru memberi soalan latihan pengukuhan (Lampiran G2</p> <p>3. Guru membuat refleksi pengajaran.</p>	<p>1. Pelajar menyerahkan hasil pengurusan grafik pada keesokan hari.</p> <p>2. Pelajar menjawab soalan dalam masa 5 – 10 minit. (Lampiran P2)</p> <p>3. Pelajar membuat refleksi pembelajaran dan mengesan kelemahan sendiri serta mengambil tindakan sewajarnya.</p>	<p>Kertas latihan</p>	<p><i>KBKK:</i> Penilaian Refleksi sendiri</p> <p><i>Kecerdasan Pelbagai:</i> Logikal Intrapersonal</p>
---	--------------------------------------	--	--	-----------------------	---